

Bahagian A

[20 markah]

No. Soalan	Jawapan
1	Ihsan
2	‘Alamiyyah
3	Takzir
4	Integriti
5	Perkataan
6	Bertakwa
7	Eksekutif
8	Syura
9	Alam Roh/Alam Dunia
10	Alam Dunia/Alam Roh
11	Pemulihan
12	Pembalasan
13	Hudud/Diat
14	Diat/Hudud
15	Majlis Syura/Khalifah/Wilayah/Undang-Undang/Badan Kehakiman/ Pentadbiran & penguatkuasaan
16	Majlis Syura/Khalifah/Wilayah/Undang-Undang/Badan Kehakiman/ pentadbiran & penguatkuasaan
17	√
18	X
19	√
20	X

Bahagian B

[80 markah]

No Soalan			Jawapan	Markah
1	(a)	(i)	Dua Rukun Iman ialah: - Beriman kepada Allah SWT - Beriman kepada Malaikat - Beriman kepada Kitab - Beriman kepada Rasul - Beriman kepada Hari Kiamat - Beriman kepada Qada' dan Qadar	2 isi x 1m 2 markah
	(b)	(i)	Hal ini berleluasa di dalam negara kita: - Kurang didikan agama(I) kerana umat Islam mengabaikan tuntutan syariat. - Masyarakat terlampau taksu kepada guru atau ajaran(I) sehingga mengabaikan agama Islam(H) - Penyelewengan tafsiran al-hadis(I) untuk kepentingan peribadi(H)	2 isi x 1m 2 markah
		(ii)	Keimanan kepada Allah SWT boleh membantu seseorang terhindar daripada ajaran yang memesongkan akidah dengan: - Yakin dan percaya kewujudan Allah SWT serta menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya agar keimanan sentias terpelihara.	2 isi x 1m 2 markah
		(iii)	Sebagai seorang pemimpin negara, cadangkan cara bagi menangani isu ajaran sesat daripada terus berleluasa di Malaysia. Menguatkuasakan undang-undang dengan lebih ketat (I) agar penganut ajaran sesat takut untuk menyebarkan fahaman mereka(H). Kesannya, kesucian agama Islam akan terpelihara(H2). Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa berpegang kepada ajaran al-Qu'ran dan al-Sunnah agar hidup sentiasa dalam keredhaan Allah SWT(K). Cadangan Isi: - Menganjurkan program-program peningkatan penghayatan agama dan pencegahan jenayah syariah berbentuk webinar, forum dan kesedaran jenayah syariah.	4 isi x 1m 4 markah
	(c)	(i)	Senaraikan dua asas Sistem Ekonomi Islam.	2 isi x 1m 2markah

			- Mengiktiraf pemilikan harta individu - Mengagihkan harta dalam kalangan masyarakat dengan adil - Mengelola harta yang dimiliki menurut syarak.	
		(ii)	Dua prinsip asas Sistem Ekonomi Islam dari aspek Keadilan Sosial ialah : - Kegiatan ekonomi mesti membawa keadilan sosial kepada segenap lapisan rakyat(I) agar ekonomi negara meningkat(H) - Keperluan hidup asasi individu seperti makanan dan tempat tinggal(I) dijaga dan terpelihara(H)	2 isi x 2m 4markah
	(d)		Ramalkan dua implikasi yang akan terjadi sekiranya Sistem Ekonomi Islam tidak dititikberatkan oleh sesebuah negara. - Amalan riba berleluasa(I) menyebabkan golongan pemodal semakin kaya, manakala golongan miskin semakin tertindas(H) - Nilai moral semakin terhakis(I) menyebabkan gejala rasuah, penipuan dan eksploitasi ekonomi akan berleluasa(H) - Pengagihan harta yang tidak adil(I) kerana pemilikan harta untuk kelompok atasan sahaja(H) - Ekonomi sesebuah negara akan hancur dan keharmonian masyarakat akan terjejas(I) kerana rakyatnya tidak mengamalkan sistem ekonomi yang menepati syariat(H)	2 isi x 2m 4markah

2.	(a)		Maksud Insan Makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan akal (1m) dan ditugaskan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT serta memakmurkan alam.(1m)	2 isi x 1m = 2 markah
	(b)	(i)	Dua tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT terhadap alam sekitar. - Mentadbir dan memakmurkan alam secara terancang (1m) agar dapat dinikmati oleh generasi akan datang (1m) - Menggunakan sumber alam semula jadi secara bijaksana dan efektif (1m) supaya tidak pupus. (1m) - Memelihara alam daripada pencemaran (1m) seperti tidak membuang sampah merata-rata. (1m) - Menggiatkan usaha pemuliharaan alam (1m) bagi menjaga kelangsungan hidup flora dan fauna (1m)	2 isi x 2m = 4 markah
	(b)	(ii)	Dua kedudukan wahyu dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT: - Wahyu merupakan sumber dan panduan kepada setiap manusia (1m) agar tidak terpesong. (1m) - Menjadi rujukan utama dalam menentukan hukum-hakam (1m) supaya sentiasa mematuhi syariat Islam (1m) - Sebagai pemisah antara hak dengan batil (1m) bagi mengelakkan kesesatan. (1m) - Pemikiran yang bertentangan dengan wahyu dianggap salah dan sesat (1m) kerana tidak mengikut ajaran yang benar (1m) - Sebagai petunjuk mutlak yang tidak terpengaruh dengan suasana ataupun peristiwa (1m) kerana kesuciannya terpelihara. (1m)	2 isi x 2m = 4 markah
	(c)		Dua matlamat sistem perundangan Islam - Memelihara agama - Memelihara nyawa - Memelihara akal - Memelihara keturunan - Memelihara harta	2 isi x 1m =2 markah
	(d)	(i)	Dua tindakan lain yang boleh dilakukan oleh murid untuk mematuhi perundangan Islam: - Memakan makanan yang halal - Memakai pakaian yang menutup aurat - Mematuhi undang-undang jalan raya - Mengamalkan muamalat Islam	2 isi x 1m =2 markah

	(d)	(ii)	Akibat yang akan berlaku sekiranya tidak mematuhi perundangan Islam dalam kehidupan seseorang muslim. Cadangan jawapan: Mengancam keselamatan nyawa (1m) kerana mengabaikan sistem perundangan Islam (1m) seperti berlakunya pelanggaran undang-undang jalan raya (1m) yang mengakibatkan kecederaan parah atau kehilangan nyawa. (1m) Kesannya statistik kemalangan jalan raya meningkat.(1m) Kesimpulannya kita hendaklah mengamalkan perundangan Islam agar dapat menjamin keselamatan diri daripada perkara yang membahayakan nyawa (1m) Cadangan isi: - Merosakkan akidah - Merosakkan akal - Merosakkan keturunan manusia - Mewujudkan sistem ekonomi haram - Jenayah berleluasa - Imej tercemar - Negara huru hara *Mana- mana jawapan munasabah diterima	6 isi x 1m =6 markah
--	-----	------	---	---------------------------------

3	(a)	Dua hak asasi sistem sosial Islam - Kebebasan beragama - kebebasan bersuara - Perlindungan nyawa - Kehormatan diri - Pemilikan harta	1 isi x 1m = 2 markah
	(b)	Dua aktiviti - Gotong-royong membersihkan kawasan sekolah(I) dengan melibatkan semua pelajar dan guru (H) - Meningkatkan imej negara(I) kerana saling tolong menolong(H)	2 isi x 2m = 4 markah
	(c)	-Sentiasa menjadi anak yang baik (I) seperti menghormati ibu dan bapa(H1)kesannya dapat mewujudkan suasana keluarga yang harmoni(H).Kesimpulan kita hendaklah menjadi anak yang patuh agar berjaya mewujudkan keluarga yang bahagia(K)	4 isi x 1m = 4 markah
	(d) (i)	Dua prinsip negara Islam. - As Syura - Al Adalah - Al Hurriyah - Al Musawah	2 isi x 1m =2 markah
	(ii)	Dua kesan pengabaian tanggungjawab sebagai rakyat. - Hilang rasa taat setia terhadap khalifah - Keselamatan negara terancam - Mencetuskan perbalahan dalam kalangan masyarakat - Membiarkan kepincangan berlaku dalam pemerintahan - Berlaku kemungkaran secara berleluasa	4 isi x 1m =4 markah
	(e)	Dua kepentingan melaksanakan tuntutan dan tanggungjawab khilafah. - Mendapat keredhaan Allah swt /kerana memimpin berteraskan al quran dan al hadis - Dapat mengukuhkan perpaduan dalam masyarakat /melalui sikap saling menghormati dan bertoleransi dalam masyarakat. - Dapat menjamin keamanan negara / kerana kestabilan sistem tadbir urus. - Dapat memastikan keadilan dilaksanakan kepada semua pihak/ agar rakyat tidak berasa dizalimi.	4 isi x 1m =4 markah



4	(a)		Dua ciri akhlak dalam Islam. - Bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah - Berlandaskan fitrah kejadian manusia. - Meliputi semua aspek kehidupan. - Tetap dan tidak berubah sepanjang zaman	(2 markah] 2 isi x 1m
	(b)		Dua kepentingan akhlak menurut Islam. - Membina jati diri yang baik mengikut al-Quran dan al-Sunnah (1m) agar hidup dirahmati Allah (1m) - Melahirkan individu yang bertakwa (1m) agar menjadi insan yang mulia (1m)	[4 markah] 2 isi x 2m
	(c)		Dua cara pengamalan akhlak Islam dalam kehidupan. - Hormat menghormati (1m) seperti memuliakan tetamu tanpa mengira kedudukan.(1m) - Prihatin (1m) iaitu bersimpati dengan penderitaan orang lain (1m) - Suka menghulurkan bantuan (1m) seperti membantu rakan yang berada dalam kesusahan (1m) - Berkasih sayang (1m) agar mengeratkan silaturahim dan merapatkan ukhwah sesama manusia.(1m)	[4 markah] 2 isi x 2m
	(d)		Dua jenis muamalat dalam Islam. - Al-Wadiah - Al-Mudarabah - Al-Murabahah - AL-Musyarakah - Al-Rahnu - Al-Ijarah - Al-Bai'Bithaman Ajil - Takaful	[2 markah] 2 isi x 1m
	(e)	(i)	Empat aktiviti kewangan Islam yang sering dilaksanakan oleh masyarakat pada masa kini. - Berjual beli - Sewa-menyewa - Cagaran - Buka akaun di perbankan Islam - Menggunakan produk takaful - Melabur wang patuh syariah	[4 markah] 4 isi x 1m

		(ii) Bagaimanakah Jabatan Agama Islam menerapkan kesedaran masyarakat tentang kewajipan bermuamalat dengan sistem kewangan Islam. Beri hujah anda. Jabatan Agama Islam patut mengemas kini sistem muamalat Islam sesuai dengan teknologi maju masa kini (I) seperti memperbanyakkan iklan atau rancangan mengenai cara terbaik mengamalkan muamalat Islam melalui media massa (H1). Hal ini akan menambah kefahaman masyarakat tentang kepentingan menurut muamalat Islam berbanding konvensional (H2). Kesimpulannya, kita hendaklah menambah ilmu pengetahuan tentang urusan muamalat dengan baik agar menjadi umat yang bertanggungjawab (K) Cadangan isi : - Mengadakan ceramah berkaitan muamalat Islam - Mengadakan kempen kesedaran	[4 markah] 4 isi x 1m
--	--	---	-------------------------------------

5.	(a)	(i)	Dua fungsi wahyu terhadap akhlak: - Panduan dalam pembentukan akhlak mulia (1m) agar menjadi insan yang bertakwa (1m) - Menetapkan hukum – hakam praktis yang berkaitan dengan akhlak (1m) untuk memberi kebaikan kepada manusia (1m) - Membimbing masyarakat untuk berinteraksi antara satu sama lain (1m) agar negara sejahtera (1m)	2 isi x 2m = 4 markah
		(ii)	Dua perkara yang merosakkan akal - Penyalahgunaan bahan terlarang (1m) seperti dadah dan syabu (1m) - Gejala negatif dan maksiat (1m) seperti membaca atau menonton video lucah(1m) - Mengambil makanan dan minuman yang memabukkan serta merosakkan akal (1m) seperti arak (1m) - Memikirkan perkara di luar kemampuan akal (1m) seperti memikirkan zat Allah (1m)	2 isi x 2m= 4 markah
	(b)	(i).	Dua matlamat sistem kehakiman Islam: - Menegakkan keadilan (1m) agar orang yang bersalah mendapat hukuman yang setimpal (1m) - Menentang kezaliman (1m) agar negara aman (1m) - Membela orang-orang dizalimi (1m) supaya hak asasi manusia terpelihara (1m)	2 isi x 2m = 4 markah
		(ii)	Minum arak adalah salah satu perkara yang memabukkan. Apakah hukuman bagi kesalahan tersebut? - Disebat 40 kali	1 isi x 1m= 1 markah

		(iii) Mengapakah masih terdapat segelintir orang Islam yang terlibat dengan pesta arak? Berikan pendapat anda. Cadangan jawapan: - Kurang penguatkuasaan Undang-undang Syariah (1m) kerana undang-undang yang lemah atau tidak konsisten (1m). Kesannya menyebabkan masyarakat berani melanggarnya (1m) sehingga tidak takut kepada akibat buruknya (1m) Kesimpulannya kita hendaklah mematuhi perintah Allah SWT (1m) agar kehidupan sentiasa dirahmati (1m) Cadangan Isi - Kurangnya pegangan agama - Pengaruh rakan sebaya negatif	5 isi x 1m = 5 markah
	(d)	Dua kesalahan hudud - Zina - Qazaf - Minum arak - Mencuri - Merompak - Murtad	1 isi x 2m = 2 markah

6.	(a)	Keistimewaan sistem sosial Islam ialah : - Bersumberkan Al-Quran dan Al-Sunnah (I) untuk dijadikan rujukan (H) - Menjaga hak Asasi manusia (I) agar lebih terjamin - Menjadikan keluarga sebagai asas masyarakat sejahtera (I) supaya keharmonian dapat dikekalkan - Membangunkan modal insan yang berilmu dan berakhlak mulia (I) untuk mewujudkan sifat toleransi ke arah kebaikan	2 isi x 2m 4 markah
	(b)	Tindakan bagi merealisasikan sistem sosial Islam: - Mengadakan program RIMUP - Mengadakan program gotong-royong - Mengadakan sukaneka bermasyarakat	1 isi x 2m 2 markah
	(c)	Dua adab dan etika kesenian Islam: - Menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan keimanan (I) agar mendapat keberkatan dari Allah SWT. - Hasil seni yang tidak bercanggah dengan syarak (I) bagi memenuhi fitrah semulajadi insan. - Kesenian yang berteraskan nilai akhlak Islami (I) agar boleh menambah keimanan kepada sang pencipta	2 isi x 2m 4 markah
	(d)	Dua kepentingan adab dan etika kesenian Islam. - Mengakui dan meyakini kekuasaan Allah SWT yang maha berkuasa lagi maha menciptakan (I) agar lebih cinta kepada akhirat. - Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT (I) untuk mendapat keberkatan dalam hidup (H) - Memenuhi fitrah manusia yang menyukai keindahan selari dengan syarak (I) bagi mewujudkan suasana yang tenang	2 isi x 2m 4 markah
	(e)	Maksud Khalifah ialah : - Manusia sebagai khalifah Allah SWT bermaksud manusia wajib mentadbir dan memakmurkan bumi selari dengan kehendak syariat.	1 isi x 2m 2 markah

	(f)	Bagaimanakah Syariat Islam mampu mewujudkan keamanan dan keharmonian dalam hidup bernegara. Menyediakan peraturan yang lengkap dan sempurna (I) agar masyarakat dalam negara aman damai. (H1) Kesannya kehidupan akan diberkati Allah SWT. (H2) Kesimpulannya, kita hendaklah mematuhi segala perintah Allah SWT agar hidup sejahtera. Cadangan isi lain : - Mewujudkan keamanan sejagat - Mendisiplinkan umat manusia - Mengalakkan umat manusia mencintai akhirat	4 isi x 1m 4 markah
--	-----	--	------------------------

**TAMAT PANDUAN PEMARKAHAN
SOALAN PERCUBAAN SPM 2025
SUBJEK TASAWWUR ISLAM**